

Peningkatan Pelancong Malaysia Ke Uzbekistan Bukti Kekukuhan Hubungan Dua Hala
Bernama
26 Februari, 2013

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Peningkatan jumlah rakyat Malaysia yang berkunjung ke Uzbekistan mencerminkan hubungan dua hala yang terjalin erat antara kedua-dua negara, kata kaunselor perdagangan di kedutaan Uzbekistan di Malaysia, Takhir Aliev.

Beliau berkata 2,035 rakyat Malaysia melawat Uzbekistan tahun lepas, meningkat 34 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Kami berharap dapat menambah jumlah pelancong dari Malaysia sebanyak 25 peratus lagi menjelang tahun depan kerana kami memiliki tempat dan tugu bersejarah," katanya kepada Bernama pada jerayawara pelancongan Uzbekistan di sini Selasa.

Jerayawara sehari itu, yang bertujuan mempromosi keistimewaan Uzbekistan kepada rakyat Malaysia, disertai sembilan agensi pelancongan yang menawarkan pakej penerbangan serta penginapan menarik, di samping untuk menjalin kerjasama dengan agensi pelancongan tempatan.

Aliev berkata kerajaan Uzbekistan melakukan penambahbaikan terhadap pelbagai kemudahan, termasuk jalan raya dan hotel untuk menarik pelancong dari seluruh dunia melawat negara itu.

Katanya kira-kira 11,000 rakyat Uzbekistan berkunjung ke Malaysia tahun lepas bagi tujuan melancong dan mencari peluang perniagaan, manakala 600 rakyat negara itu melanjutkan pelajaran di negara ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=930433>